

Terokai Pesona Tanah Air Sushi! Rasai Lawatan Ideal Anda ke Jepun yang Ditaja oleh JNTO KL

KUALA LUMPUR, 12 Jun 2024 - Japan National Tourism Organization (JNTO) Kuala Lumpur dengan sukacitanya mengumumkan musim kedua #AJapanForYou yang menawarkan tiga perjalanan pemantauan tajaan ke wilayah [Tohoku](#), [Kyushu](#), dan [Tokai](#). Kempen ini bertujuan untuk menerokai permata tersembunyi di Jepun dan menggalakkan lebih ramai rakyat Malaysia untuk melawat kawasan-kawasan ini. Melalui kerjasama dengan tiga pasangan peserta, kempen ini akan membantu peserta merancang pelancongan impian mereka ke Jepun.



“Monitor Tour” ini akan mengundang 3 pasangan peserta untuk merancang program perjalanan yang kreatif atas bimbingan dan nasihat daripada JNTO KL. Sebagai tanda penghargaan atas usaha mempromosikan pelancongan ke Jepun, JNTO KL akan menanggung beberapa perbelanjaan perjalanan, termasuk tiket penerbangan ulang-alik kelas ekonomi dari KLIA/KLIA2, penginapan selama lima malam (terhad kepada 15,000 yen satu malam setiap orang), tiket pengangkutan awam di Jepun, dan insurans pelancongan. Walau bagaimanapun, perbelanjaan peribadi seperti makanan dan minuman, roaming mudah alih, tiket kemasukan tarikan dan hiburan lain **tidak akan ditanggung** oleh JNTO KL.

Untuk memohon, peserta wajib mengisi dan menghantar borang permohonan dalam talian dengan menyediakan maklumat berikut: draf jadual perjalanan 2 atau 3 hari bersama sebab pilihan destinasi mereka, harapan terhadap lawatan tersebut, maklumat mengenai rakan perjalanan dan lain-lain.

Kawasan Lawatan

Kawasan Tohoku: Merangkumi enam wilayah luar bandar, menawarkan landskap yang tidak tercemar, khazanah bersejarah, pengembaraan musim panas, dan sukan musim sejuk.

Tempoh Permohonan: 7 Jun - 30 Jun 2024

Kawasan Kyushu: Terletak di bahagian selatan Jepun, merangkumi tujuh wilayah yang menawarkan gabungan antara kemodenan canggih dan kehidupan yang tenang.

Tempoh Permohonan: 7 Jun - 14 Julai 2024

Kawasan Tokai: Mudah diakses melalui kereta api Shinkansen, merangkumi lima wilayah yang menggabungkan destinasi terkenal di dunia, keindahan tempatan, warisan bersejarah dan alam semula jadi yang menakjubkan.

Tempoh Permohonan: 7 Jun - 18 Ogos 2024

Pelancongan Pemantauan ke <u>Tohoku</u>	Pelancongan Pemantauan ke <u>Kyushu</u>	Pelancongan Pemantauan ke <u>Tokai</u>
 <p>CLICK TO APPLY NOW</p> <p>#1 Tohoku Monitor Tour</p> <ul style="list-style-type: none"> August 2024, 5 Nights Looking for couple or family (2 to travel) Application closes 30 June 2024 Selection announcement by middle of July 2024 	 <p>CLICK TO APPLY NOW</p> <p>#2 Kyushu Monitor Tour</p> <ul style="list-style-type: none"> September 2024, 5 Nights Looking for friends (2 to travel) Application closes 16 July 2024 Selection announcement by middle of August 2024 	 <p>CLICK TO APPLY NOW</p> <p>#3 Tokai+ Monitor Tour</p> <ul style="list-style-type: none"> October 2024, 5 Nights Looking for friends or family (2 to travel) Application closes 18 August 2024 Selection announcement by middle of September 2024
<p>Borang permohonan: https://docs.google.com/forms/d/e/1FAIpQLSdKT4FcwkrOIXq_9QtfnyckbZVyNrR4euiMVO8byvciZPj0Xw/viewform?usp=sf_link</p>	<p>Borang permohonan: https://docs.google.com/forms/d/e/1FAIpQLSdWdSR4A7s112-U5DXFrqBXeDKzsoVp3aTN8etu61suWsF0g/viewform?usp=sf_link</p>	<p>Borang permohonan: https://docs.google.com/forms/d/e/1FAIpQLSf8n70ynVoqgbibeKoqQb-zKPyiiO2YjFsL4u8qP-0VovSq-Q/viewform?usp=sf_link</p>

Untuk maklumat lanjut, sila klik di [sini](#).

Mengenai JNTO Kuala Lumpur Office

JNTO ialah organisasi “non-profit” kerajaan Jepun, dan pejabat JNTO Kuala Lumpur terlibat dalam pelbagai aktiviti di Malaysia untuk mempromosi dan menggalakkan pengunjung dari Malaysia untuk mengutamakan Jepun sebagai destinasi dalam rancangan pelancongan mereka. Untuk maklumat lanjut, layari <https://www.japan.travel/en/my/>

Untuk pertanyaan media: info_kul@into.go.jp | my-all@vectorinc.jp